

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 21 FEBRUARI 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	BERKONGSI KEMERIAHAN, RAPATKAN HUBUNGAN SEMPENA TAHUN BAHARU CINA, PERISTIWA, MINGGUAN AMANAH -16 KERAJAAN JANGAN TEKAN PESAWAH, NEWS, SINAR HARIAN (UTARA) -21 PASAR TANI JANA PENDAPATAN TAMBAHAN UNTUK PENDUDUK, TEMPATAN, UTUSAN SARAWAK -6	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
4. 5. 6.	SIM: PORK FROM VIETNAM NOT ALLOW TO ENTER MALAYSIA, NATION, SIN CHEW DAILY -9 HUKUMAN BERTINDAK KEJAM TERHADAP HAIWAN PERLU SETARA KESALAHAN JENAYAH LAIN, RENCANA, MINGGUAN AMANAH -22 WE MUST NOT TOLERATE ANIMAL CRUELTY, LETTERS, NST -16	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
7. 8. 9. 10.	TONGKANG SELUDUP MANUSIA, SENAPANG ANGIN, SETEMPAT, HM -6 S'WAK BERPOTENSI BESAR DALAM INDUSTRI UDANG KARA, EKONOMI, UTUSAN SARAWAK -E1 SARAWAK TO DEVELOP FRESHWATER FISH INDUSTRY, NEWS, SEE HUA DAILY (KUCHING) -A2 SARAWAK INTRODUCES NEW BREED OF FRESHWATER LOBSTERS FOR POTENTIAL EXPORTS, NEWS, SEE HUA DAILY (KUCHING) -A2	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
11.	JERAMI GULUNG KEEMASAN, SETEMPAT, HM -26	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
12.	ANAK POKOK SERINGGIT, SETEMPAT, HM -27	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
13. 14. 15.	KOS SARA HIDUP TINGGI MENGHIMPIT NELAYAN, DALAM NEGERI, UM -10 CHINA TO EXPAND AGRICULTURE REFORMS FOR GROWTH, BUSINESS, BORNEO POST (KUCHING) -B8 CHINA RANCANG REFORMASI SEKTOR PERTANIAN, BISNESS, BH -56	LAIN – LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/2/2019	MINGGUAN AMANAH	PERISTIWA	16

Berhalal mesra dengan penghuni rumah orang tua Persatuan Kebajikan Prihatin Kuan Yin di Taman Bukit Kempas.

Berkongsi kemeriahan, rapatkan hubungan sempena Tahun Baharu Cina

Oleh **AKMAL HAZIQ**

SEMPENA Tahun Baharu Cina 2019 yang lalu, kemeriahan yang dirasakan oleh masyarakat Cina di negara ini turut dikongsi dan diraikan bersama oleh pemimpin-pemimpin AMANAH, sekali gus diharap dapat merapatkan hubungan antara pelbagai kaum di negara ini.

Di kawasan Parlimen Pulai, Johor, Timbalan Presiden AMANAH, Datuk Salahuddin Ayub yang juga Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, mengadakan program walkabout pada 2 Februari lalu di kawasan tersebut sempena sambutan Tahun Baharu Cina tahun ini.

Program bermula jam 9.00 pagi dengan beliau melawat Pasar Pagi Bukit Indah, mengedarkan buah limau kepada orang ramai khususnya kepada anggota masyarakat Cina.

Menurut Salahuddin, sambutan rakyat khususnya masyarakat Cina di sana amat menggalakkan dan ujaninya sebagai Ahli Parlimen Pulai, beliau akan cuba menyantuni dan melakukan yang terbaik kepada semua masyarakat berbilang kaum di kawasan berkenaan.

Pada sebelah petang pula, beliau membuat lawatan ke rumah orang tua Persatuan Kebajikan Prihatin Kuan Yin bertempat di Taman Bukit Kempas.

Dalam kunjungan tersebut beliau telah memberikan buah tangan kepada 82 orang penghuni rumah orang tua berkenaan sempena sambutan Tahun Baharu Cina itu.

Pada hari yang sama selepas itu, Salahuddin meneruskan walkabout di Jalan Tan Hioh Nee untuk mengedarkan buah limau kepada masyarakat di kawasan tersebut.

Jelas Salahuddin, program turun ke kawasan menemui masyarakat merupakan rutin mingguan beliau sejak menjadi Ahli Parlimen Pulai.

Sebagaimana Salahuddin, di Terengganu, Pengerusi AMANAH Negeri Terengganu, Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah mengadakan program walkabout di sekitar Kampung Cina, di bandar Kuala Terengganu pada sebelah pagi 3 Februari lalu.

Dalam program berkenaan, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan itu telah mengedarkan buah tangan kepada penduduk, pengunjung dan peniaga sekitar Kampung Cina sempena menyambut ketibaan Tahun Baharu Cina 2019.

Sementara itu, pada hari yang sama, Pengarah Strategi Parti AMANAH, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad dan isteri telah menghadiri program Sumbangan Tahun Baharu Cina 2019 yang diadakan di Bagin Sg Janggut Jeram Kuala Selangor pada pagi 3 Februari lalu.

Dalam program berkenaan, selain beramah mesra dan berkongsi kemeriahan bersama anggota masyarakat Cina di situ, beliau juga telah menghulurkan sumbangan kepada mereka sempena sambutan perayaan berkenaan.

Masyarakat kaum cina di Kampung Cina, Kuala Terengganu disantuni oleh Raja Kamarul Bahrin.

Dr Dzulkefly menyantuni masyarakat Cina di sebuah kedai di Kuala Terengganu.

Raja Kamarul Bahrin menyantuni masyarakat di sebuah kedai di Kuala Terengganu.

Dr Dzulkefly menyantuni masyarakat Cina di 3 Februari lalu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/2/2019	MINGGUAN AMANAH	PERISTIWA	17



Salahuddin mengucapkan Selamat Tahun Baharu kepada salah satu keluarga Cina di Pulau.



Masyarakat setempat tidak melepaskan peluang bergambar dengan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub.



Salahuddin menyerahkan buah tangan bagi berkongsi kebahagiaan sempena perayaan Tahun Baharu Cina.



Dr. Dzulkefly Ahmad bertanya khabar dengan kaum Tionghua sebelum menyampaikan bantuan.



Salahuddin menyerahkan buah tangan kepada anggota masyarakat di Bagan Sg Jeram, Kuala Selangor.



Dr. Dzulkefly bersama isteri bergambar dengan anggota masyarakat Cina pada majlis Sumbangan Tahun Baharu Cina 2019 di Bagan Sg Jeram, Kuala Selangor.

Headline	Kerajaan jangan tekan pesawah		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	21 Feb 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	160,000
Page No	21	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	398 cm ²
Journalist	MOHAMAD HAFIZI MOHD SAID	AdValue	RM 2,788
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,364



Kerajaan jangan tekan pesawah

**Desak subsidi
baja padi diberi
sama seperti
ketika kerajaan
dahulu**

MOHAMAD HAFIZI
MOHD SAID

TELUK INTAN

“Kami mahu kerajaan sekarang memberi subsidi baja padi sama seperti yang diberikan kerajaan terdahulu dan bukan mengurangkannya hingga membebaskan pesawah.

Itu luahan seorang daripada 2,300 pesawah Jelapang Padi Sungai Manik dan Labu Kubong selepas kecewa pemberian baja subsidi melalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) tidak lengkap

seperti sebelum ini.

Pesawah, Helmi Iskandar Mohamad, 42, berkata, semua pesawah melahirkan rasa kecewa dan terkilan dengan apa yang berlaku kerana ia bakal menjejaskan hasil padi yang baharu sahaja mula ditanam.

“Bila tiada baja kami kena keluarkan duit sendiri kalau tak beli hasil padi akan terjejas, nak beli kos tinggi bukan semua petani ada duit tak kan nak biarkan padi kami begitu.

“Kerajaan sekarang jangan tekan pesawah dan kami berharap apa yang kami dapat dahulu dari kerajaan sebelum ini kekalkan dan jangan kurangkan,” katanya kepada pada sidang media yang dihadiri lebih 30 pesawah di Chenderong Balai, di sini, semalam.

Sementara itu, Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Sungai Manik / Labu Kubong, Suib Sulaiman yang mewakili pesawah kawasan



Suib (duduk, tiga kanan) bersama pesawah yang hadir pada sidang media meminta pertimbangan kerajaan, semalam.

berkenaan berkata pihaknya berharap pihak kerajaan dapat melihat isu yang membelenggu mereka.

“Kami ingin ucapkan terima kasih atas pemberian baja subsidi bagi musim 1/19 baru-baru ini melibatkan 12 beg baja sebatian atau campuran dan empat beg baja urea seberat 20 kilogram setiap satu beg bagi keluasan sawah satu hektar.

“Bagaimanapun, petani

merasa terkilan dengan bantuan tersebut kerana tidak mencukupi satu lagi jenis baja iaitu baja tambahan NPK sebanyak enam beg seberat 25 kilogram satu beg bagi keluasan satu hektar sawah,” katanya.

Tambahnya, selain itu, bantuan input pertanian racun serangga dan racun rumpai berjumlah RM200 bagi satu hektar juga tidak diterima petani seperti sebelum ini.

“Apa yang membimbangkan pesawah adalah setelah pokok padi hidup subur tanaman berkenaan tiada bekalan makan mencukupi bagi anak padi serta kawalan serangga makhluk perosak hingga ke penghujung.

“Ini akan menyebabkan pokok padi terencat dan mengakibatkan pengeluaran hasil buah padi menurun dan menjejaskan dasar makanan negara serta pendapatan pe-

info

Pesawah rayu diberi bantuan baja tambahan NPK sebanyak enam beg bersama input pertanian racun serangga dan rumpai

sawah-pesawah,” katanya.

Ekoran daripada itu, Suib berkata, semua pesawah dengan rasa rendah hati meminta kerajaan melalui MOA dapat menyediakan peruntukkan subsidi baja padi seperti yang diterima petani seperti sebelum ini.

“Semoga rintihan kami pesawah mendapat perhatian daripada pihak kementerian dapat membekalkan dengan segera baja tambahan NPK sebanyak enam beg bersama bantuan input pertanian racun serangga dan rumpai bernilai RM200 bagi setiap hektar sawah,” katanya.

Headline	Pasar Tani jana pendapatan tambahan untuk penduduk		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	21 Feb 2019	Color	Black/white
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	6	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	295 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 965
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,895



BANGGA... Noh (kanan) dan Yakub di gerai Pasar Tani Bersih Daro pada hari Isnin lalu.

Pasar Tani jana pendapatan tambahan untuk penduduk

DARO: Pasar Tani Bersih Daro yang berada di Pekan Daro di sini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada penduduk tempatan.

Menurut Noh@Mohamad Noh Bakeri Pengurus (PTBD) setakat ini ia mempunyai 34 peserta dan dijangka bertambah.

"Pasar Tani Daro ditubuhkan empat tahun yang lalu iaitu 2014. Semasa penubuhan ia hanya disertai 24 orang dan terkini 34 peserta dan 34 pembantu," ujarnya.

Beliau berkata demikian kepada media ketika Pelancaran PTBD oleh Dato Salahuddin Ayub Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia pada hari Isnin (18 Feb-

ruari).

Tambahnya lagi, hasil pendapatan mereka juga amat memuaskan walaupun beroperasi seminggu sekali iaitu pada Ahad sahaja.

Untuk menguruskannya, pihak mereka juga menubuhkan Ahli Jawatankuasa yang terdiri daripada sembilan orang.

"Cuma hari ini kita beroperasi hari Isnin semata-mata untuk menyambut kehadiran menteri pertanian.

"Kita biasa memang hari Ahad. Setakat ini pendapatan sebulan ialah RM30,000 dan hasil seminggu ialah RM6,000. Dan purata pendapatan seorang peserta ialah RM176.50 seminggu kerana kita cuma

beroperasi hari Ahad sahaja," tambahnya. Sementara, Yakub Yahya, salah seorang peserta, menganggap penyertaannya dengan Pasar Tani sebagai berbaloi.

"Saya adalah pesara, setakat ini saya merasa berbaloi kerana ia amat membantu dari segi menambah pendapatan keluarga.

"Sebenarnya saya telah menceburi bidang peniagaan kecil-kecilan begini beberapa tahun sebelum saya bersara. Saya anggap ia salah satu persiapan sebelum bersara supaya kita sentiasa memperolehi pendapatan, di samping untuk sentiasa aktif," jelasnya ketika ditemui pada pelancaran tersebut. - Henry B Siyu

Headline	Sim : Pork from Vietnam not allow to enter Malaysia		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	21 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	294,476
Page No	9	Readership	883,428
Language	Chinese	ArticleSize	452 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 14,128
Frequency	Daily	PR Value	RM 42,384



星洲日報

21. 2. 2019

星期四



報 許俊傑

(吉隆坡20日讯) 农业及农基工业部副部长沈志勤宣布, 有鉴于越南北部地区发现非洲猪瘟 (ASF) 确诊病例, 农业部即日起将越南列入暂时禁止进口生猪和冷冻猪肉食品的国家名单里。

他揭露, 农历新年期间, 当局在海陆空各大入境处, 拦截了1399公斤被游客企图带入境的猪肉与猪肉产品。

自非洲猪瘟在中国爆发后, 连日来逼近东南亚, 越南已经沦陷出现首宗病例, 被列入猪瘟疫区, 因此为了保护本地猪只及猪农, 农业部与多个部门采取跨部门合作, 多管齐下严防非洲猪瘟传入境内。

他对星洲日报说, 随着越南成了非洲猪瘟疫区后, 大马政府也将越南

列入猪肉产品禁止入口名单, 并呼吁民众配合, 为了保护本地养猪业, 拒绝私带任何猪肉产品入境。

目前, 大马政府停止进口或禁止游客私带猪肉与猪肉产品的国家, 包括中国、蒙古、比利时、拉脱维亚共和国、罗马尼亚、波兰、匈牙利、摩尔多瓦、乌克兰、非洲查德及越南。

沈志勤重申, 虽然非洲猪瘟病毒不会传染给人类, 但若病毒传入大马, 届时国内养猪业将遭受巨大亏损, 保守估计将导致业者蒙受27亿令吉亏损, 甚至如当年的立百病毒般, 须扑杀猪只而面临高达50亿令吉的巨额亏损。

根据越南政府动物卫生部门, 越南北部地区2间养猪场发现非洲猪瘟病例, 扑杀了134头猪, 这是东南亚首个发现疫情的国家, 也是继中国与蒙古后, 第三个出现确诊病例的亚洲国家。

馬豬隻沒感染非洲猪瘟 入境區攔截1399公斤豬肉產品

沈志勤说, 从1月15日到2月15日期间, 各部门与执法机构在国内40个海陆空入境区, 一共从入境者身上拦截了1399公斤的猪肉与猪肉产品。

庆幸的是, 这些猪肉与猪肉产品的化验均对非洲猪瘟呈阴性反应。至于国内102个养猪场进行临床测试 (Active Clinical Surveillance) 后一样呈阴性, 证实大马养猪业没有感染非洲猪瘟疫情。

他说, 大马所有关卡是禁止携带食物入境, 包括肉类、水果、蔬菜类, 过去只是抽样调查, 如今会更严谨审查所有入境者的所有行李。

“在农历新年期间, 很多游子或游客从中国、香港、澳门等地带回来腊肠、肉干、肉松等当手信, 但这些都是

违禁品, 被搜查后即时充公。”

勿携带猪肉产品入境

他呼吁所有入境者, 不要携带任何猪肉与猪肉产品, 以免被搜查后即席抛弃, 甚至可能会遭罚款。

“政府非常重视防堵非洲猪瘟, 我已经新年前召开两次跨部门会议, 与所有相关部门及执法单位达成共识, 提高边境审查工作来阻止猪瘟入侵。”

“亚航等航空公司也向乘客传达不可携带违禁品入境的讯息。”

根据《2011年马来西亚检验检疫服务》法令, 当局可针对违法行为采取3项行动。

该法令第11(1)条文阐明, 不得

春節期間在海陸空入境處 充公1399公斤豬肉與豬肉產品

入境模式	猪肉 (KG)	猪肉产品 (KG)
空运	144.10	1153.06
陆路	133.00	16.00
海运	-	-
总数	230.00	1169.06
总计	1399.06	

各主要入境處 充公猪肉与猪肉产品数量

入境处	猪肉 (KG)	猪肉产品 (KG)
苏丹阿布峇卡 ICQ	38.0	16.00
士乃机场	3.0	8.00
KLIA	94.0	311.20
KLIA 2	-	471.00
KLIA 货运	-	255.00
梳邦机场	-	4.00
峇六拜机场	47.1	100.86
黑木山ICQ	74.0	-
浮罗交怡	-	3.00
兰斗班让 ICQ	10.0	-
榴梿勿弄	10.0	-
旺吉犂	1.0	-

进口各种未经批准和没有获得准证的植物、动物、肉类、鱼类、农产品或微生物。

根据该法令第14条文阐明, 任何人不得进口具破坏性, 疾病及受污染物品。

上述两项条文一旦罪成, 可被判罚款不超过10万令吉或坐牢不超过6年, 或两者兼施; 重犯可被判罚款15万令吉或坐牢不超过7年, 或两者兼施。

此外, 该法令第13条文阐明, 任何人对进口及出口物品提供虚假, 不准确或误导性信息。一旦罪成, 可被判罚款不超过5万令吉或坐牢不超过2年, 或两者兼施; 重犯者可被判罚款7万5000令吉或坐牢不超过5年, 或两者兼施。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/2/2019	MINGGUAN AMANAH	RENCANA	22

Hukuman bertindak kejam terhadap haiwan perlu setara kesalahan jenayah lain

Oleh **AZRUL FAIZAL MOHAMED**

SAHABAT Alam Malaysia (SAM) amat terkejut dengan kes kekejaman yang dilakukan terhadap haiwan seperti anjing dan kucing. Perangkaan daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) mendedahkan anjing dan kucing berada di tangga teratas dalam senarai aduan kekejaman terhadap haiwan. Aduan yang dibuat semakin meningkat dalam tempoh lima tahun lepas. Pada 2016, pihak jabatan menerima 463 aduan mengenai kekejaman, dan pada 2017 bilangannya meningkat kepada 510, menunjukkan peningkatan sebanyak 10%.

Bagaimanapun, bilangan kes kekejaman haiwan yang dilaporkan dalam media hanya segelintir daripada kebanyakan kes yang tidak pernah dilaporkan. Sementara haiwan menderita malah sesetengahnya mati disebabkan oleh penderaan ini, tiada seorang pun daripada pesalah ini dipenjarakan bagi lebih daripada enam bulan. Ramai daripada pesalah terlepas daripada hukuman penjara disebabkan dakwaan diguorkan akibat kekurangan susulan atau kekurangan bukti.

Untuk mengatakan bahawa kita tidak mempunyai undang-undang mengenainya adalah salah. Pada 2017, kerajaan persekutuan sebelum ini mengumumkan Akta Kebajikan Haiwan (Akta 772) yang baharu di mana mereka yang didapati bersalah boleh didenda maksimum RM100,000, atau tiga tahun penjara atau kedua-duanya.

Berapa kerap tindakan sebenarnya diambil

dan pesalah dibawa ke mahkamah dan didakwa? SAM ingin mengimbas kembali kes di mana seorang lelaki memanah dua anak panah terhadap Brianna seekor anjing daripada jenis Rottweiler. Beliau tidak didakwa kerana mendakwa dia memanah ke arah anjing itu dengan mendakwa bahawa dia "melindungi anak-anaknya" dan tidak mengetahui anjing itu sakit dan buta.

Kenapa kes penderaan haiwan begitu berleluasa di Malaysia? Pihak Polis dan DVS perlu lebih prihatin dalam menangani kes penderaan haiwan, banyak daripadanya diabaikan kepada NGO pembela haiwan dan rumah perlindungan haiwan untuk mengendalikannya.

Baru-baru ini terdapat tiga laporan mengenai kes kekejaman haiwan yang berbeza dilaporkan. Pertama melibatkan anjing yang diseret oleh sebuah lori sepanjang lebuh raya Seberang Jaya, dan kedua melibatkan dua lelaki yang meletakkan seekor kucing yang bunting ke dalam mesin pengering, yang membunuh kucing itu. Tindakan mereka boleh dianggap sebagai kejam, tiada belas kasihan dan penderaan yang tidak berperikemanusiaan. Terdapat satu lagi insiden di mana seorang remaja dari Pulau Pinang terlepas hukuman penjara kerana menendang kucing.

Kekejaman ke atas haiwan menyebabkan kekejaman kepada makhluk hidup. Ia bukanlah seseorang secara tidak sengaja berlaku kejam kepada haiwan. Ia satu tindakan sengaja terhadap haiwan dan oleh sebab itu ia juga seperti jenayah lain

seperti pencurian. Kini tiba masanya bagi mahkamah untuk menangani kekejaman haiwan sebagai jenayah yang setara dengan kesalahan serius lain.

Mahkamah mungkin mempertimbangkan jenayah terhadap haiwan sebagai isu kebajikan haiwan dan bukan sebagai serius seperti jenayah berkaitan manusia. Suara supaya menjadikan hukuman penjara bagi jenayah kekejaman terhadap haiwan tidak pernah lantang, dengan peningkatan tuntutan bagi pendera dikenakan hukuman yang mengiktiraf jenayah sebagai bencana negara, dan mengelak orang lain daripada meluahkan kemarahan mereka atau menendang dengan kejam haiwan yang tidak bersalah ini.

Sebagai tambahan kepada peningkatan dalam penderaan haiwan ini, kita juga mesti menangani isu anjing liar yang dibunuh untuk dijadikan makanan. Perkara ini terjadi sejak 2015 apabila dua bakul kulit dan bulu ditemui di rumah terbiar di Merlin Lane, Sib. Terdapat laporan yang menyatakan orang Vietnam menjual daging anjing dan kucing di Johor Bahru dan Selangor. Turut sama ialah orang Indonesia di Persiaran Elmina, Shah Alam yang terus memakan daging anjing dengan video memberikan tumpuan kepada mereka.

Orang Indonesia ini dari estet kelapa sawit berdekatan yang mengadakan kenduri di mana menjadi satu kebiasaan untuk membunuh dua hingga tiga anjing atau kucing untuk tujuan itu. Laporan anjing liar

dengan anggota tubuh yang terputus, dipercayai telah diperangkap, ditemui di kawasan itu.

Menggunakan daging daripada anjing dan kucing yang tidak diketahui status penyakitnya yang disembelih dan dijual dagingnya serta menggunakan kaedah pembunuhan yang tidak bersih amat kejam dan berisiko membawa kematian kepada komuniti dan haiwan mereka daripada virus rabies yang membunuh. Tambahan pula, kanak-kanak yang menyaksikan kaedah membunuh secara kejam mungkin satu masa menjadi tidak sensitif lagi kepada kekejaman.

Sementara sesetengah orang mungkin mempertahankan amalan memakan daging anjing dan kucing ini sebagai "adat" tempatan, SAM percaya bahawa adat tidak seharusnya dibenarkan untuk menjadi alasan atau menjadikan sesuatu yang biasa bagi penderaan haiwan. Realitinya bahawa tidak mengira asalnya, pasar haiwan menjejaskan keselamatan dan kepentingan awam serta negara, dan mempromosikan sumber haram haiwan, mendedahkan risiko serius kepada kesihatan manusia dan kebajikan haiwan.

Amat sedih sekali kerana tiada undang-undang khusus untuk menghukum mereka yang memakan daging anjing dan kucing di Malaysia. SAM menggesa Kementerian Pertanian dan DVS mengharamkan pengambilan daging anjing dan kucing di Malaysia.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/2/2019	NST	LETTERS	16

ANIMAL RIGHTS

We must not tolerate animal cruelty

FREQUENT posts on social media about neglect and cruelty against animals show that people are more aware of the rights of animals and how to save them.

At the same time, their concerns about animal welfare has helped the authorities charge culprits, with many receiving harsh punishment under the Penal Code and Animal Welfare Act (AWA) 2015.

We need to send a message to the public that animal abuse and cruelty should never be tolerated, while more campaigns must be held to create awareness of the issue.

AWA 2015 requires pet owners to be responsible for the wellbeing of animals under their care, which includes lodging, health-care and diet.

People must be reminded that they will get harsher penalties for mistreating animals under AWA 2015, which was enforced in 2017.

AWA 2015 covers all animals, except wildlife, which is covered under the Wildlife Conservation

Act 2010.

Under Section 29 of AWA 2015, those found guilty of abusing animals can be fined between RM20,000 and RM100,000, or jailed up to three years, or both.

Under the previous Animals Act 1953, which was replaced by AWA 2015, animal abusers faced a maximum fine of RM50,000, one year in jail, or both.

Under Section 428 of the Penal Code, those found guilty of killing or maiming animals face a maximum three years in jail, a fine, or both.

I hope the Veterinary Services Department can employ and train more animal welfare officers, who must have compassion for animals, as the implementation of the law relies on people's compassion, along with training.

The Education Ministry must inculcate love and compassion for animals in students.

This will create a generation that respects animal welfare and is against animal cruelty.



The Animal Welfare Act 2015 provides for harsher penalties for abusing animals. PIC BY MUHD ZAABA ZAKERIA

The department said better awareness resulted in more animal abusers being charged, with 13 people convicted of abusing animals last year, an increase from four in 2017 and five in 2016.

Statistics showed that animal cruelty complaints made to the

department shot up by 30 per cent from 510 cases in 2017 to 662 last year.

Local authorities should stop the catch-and-kill method to control stray animals.

They should emulate the Selangor government's approach,

which promotes highly subsidised spay or neuter operations spearheaded by the state branch of the Society for the Prevention of Cruelty to Animals.

TAN SRI LEE LAM THYE
Patron, Selangor SPCA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/2/2019	HARIAN METRO	SETEMPAT	6



PEGAWAI PPM merampas tongkang yang digunakan untuk menyeludup pendatang asing dan senapang angin.

Tongkang seludup manusia, senapang angin

Johor Bahru: Bukan sekadar seludup manusia, malah sebuah tongkang barter trade turut dikesan membawa masuk senapang angin ke negara ini.

Kapal yang cuba menyeludup masuk sembilan lelaki secara haram ke negara ini bagaimanapun ditahan Pasukan Polis Marin (PPM) di perairan Batu Pahat, petang kelmarin.

Dalam kejadian jam 2 petang, tongkang berkenaan dalam perjalanan ke Sungai Batu Pahat membawa pucuk kelapa, gula Melaka dan buah pinang untuk diniagakan sebelum ditahan pihak berkuasa.

Pegawai Pemerintah Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Dua Muar, Deputy Superintendan Nordin Osman berkata, pihaknya

melakukan pemeriksaan ke atas bot serta tongkang barter di kawasan perairan Batu Pahat dalam Op Gelora.

"Pemeriksaan dilakukan di kawasan Jeti Perikanan Sungai Batu Pahat dan kami menemui sembilan pendatang haram yang bersembunyi di bawah timbunan pucuk kelapa dibawa.

"Selain itu, selain senapang angin turut disorok bersama pendatang haram berkenaan.

"Tongkang barter berukuran 12.15 meter panjang dan 3.5 meter lebar itu membawa gula melaka dan

buah pinang," katanya.

Katanya, PPM menyita tongkang berkenaan dan merampas passport tekong serta awak-awak dengan nilai rampasan RM30,000.

"Semua 11 lelaki warga Indonesia berusia 30-an hingga 50-an itu diserahkan

kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 26

Akta Anti Perdagangan

Orang dan Penyeludupan Migran (ATIPSOM).

"Selain itu, kes disiasat mengikut Seksyen 5(2) dan Seksyen 6(1)(C) Akta Imigresen dan Akta Senjata Api 1960," katanya.

FAKTA

Tongkang itu turut bawa gula melaka dan buah pinang untuk diniagakan

Headline	S'wak berpotensi besar dalam industri udang kara		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	21 Feb 2019	Color	Full Color
Section	EKONOMI	Circulation	37,981
Page No	E1	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	499 cm ²
Journalist	ZARINA ABDULLAH	AdValue	RM 2,557
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 7,671



S'wak berpotensi besar dalam industri udang kara



KENANGAN ... Dr Abdul Rahman Ismail (duduk tiga dari kanan) dan Dr Alvin Chai (duduk tiga dari kiri) merakam kenangan selepas majlis penutupan kursus pengenalan ternakan udang air tawar dan sistem akuaponik di Metro City, di Kuching semalam.

ZARINA ABDULLAH

KUCHING: Sarawak mempunyai potensi yang sangat besar dalam industri udang kara air tawar, kata Pemangku Pengarah Jabatan Pertanian Negeri, Dr Alvin Chai.

Di Malaysia, beliau berkata hanya Johor dan Sarawak mempunyai sumber udang kara liar ini.

"Mengikut perangkaan tahunan dari Jabatan Perikanan Malaysia, Johor telah menghasilkan udang kara air tawar sebanyak 200 metrik tan setahun. Dengan kehadiran spesies ini di dua sungai utama iaitu Sungai Suai, Bintulu dan Sungai Nyalau, Batu Niah, saya percaya Sarawak juga mempunyai potensi yang sangat besar dalam industri ini," katanya pada majlis penutupan kursus pengenalan ternakan udang air tawar dan sistem akuaponik di Metro City, Jalan Matang di sini semalam.

Udang kara ini sesuai untuk pembiakan di kolam, tangki, kanvas atau bekas kecil dan juga boleh disimpan sebagai haiwan akuatik.

"Dengan harga pasaran RM100 sekilogram (untuk saiz sehingga lima inci ke atas), yang bersamaan atau lebih tinggi daripada harga udang raksasa air tawar, ia boleh dijadikan perniagaan untuk mendapatkan pendapatan sampingan," jelasnya.

Menurut Chai, jabatan-

nya merancang untuk menjalankan dua lagi kursus yang sama tahun ini untuk menampung permintaan masyarakat terhadap spesies ini.

Mengulas lanjut beliau berkata pembiakan udang kara air tawar di Malaysia dibenarkan untuk tujuan akuakultur.

"Bagaimanapun, mereka yang berminat perlu memaklumkan Jabatan Perikanan Malaysia dan Jabatan Pertanian negeri secara bertulis untuk tujuan rekod.

"Lebih penting lagi, penternak perlu memastikan bahawa udang kara tidak dilepaskan ke perairan awam," tegasnya sambil menambah sistem akuaponik untuk pembiakan udang ini akan dibina dan digunakan sebagai con-

toh kepada penternak.

Jabatan Pertanian negeri juga akan menubuhkan sebuah ladang untuk pembiakan udang kara air tawar di kolam.

Hadir untuk merasmikan majlis penutup dan menyerahkan sijil kepada peserta adalah Menteri Muda Pertanian Dr Abdul Rahman Ismail.

Terdahulu, seramai 34 orang peserta yang terdiri daripada orang awam (penternak berpotensi) dan kakitangan Jabatan Pertanian bahagian Perikanan Darat turut menyertai program ini.

Dianjurkan oleh Jabatan Pertanian negeri, kursus satu hari ini diadakan untuk mempromosikan udang kara air tawar sebagai spesies baru untuk akuakultur di Sarawak.

Headline	Sarawak to develop freshwater fish industry		
MediaTitle	See Hua Daily News (Kuching)		
Date	21 Feb 2019	Color	Black/white
Section	News	Circulation	64,990
Page No	A2	Readership	194,970
Language	Chinese	ArticleSize	73 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 409
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,228



**砂發展淡水魚業
免過度依賴深海捕魚**

(本報古晉20日訊)本州淡水魚業必須受到發展，以使它不會過度依賴深海捕魚業。

砂農業助理部長阿都拉曼依斯邁表示，由於捕魚活動沒有受到控制，本州的深海魚已逐漸減少。

他表示，養淡水魚蝦已被視為本州魚業的替代方法。

他表示，因此，砂拉越政府配合農業現代化、土著習俗地及聯邦發展部的計劃，以確保本州擁有充足的食物。

“現在我們必須集中在養淡水魚，以確保不會過度依賴深海魚類。”

阿都拉曼依斯邁今天在養淡水魚與水殖業系統研討會上這麼表示。

他指出，砂拉越農業部已推展了一項新水殖業系統，包括養淡水魚，以發展本州的農業。

總共有22名來自本州各地的養魚業者參與了這項為期一天的研討會。

Headline	Sarawak introduces new breed of freshwater lobsters for potential exports		
MediaTitle	See Hua Daily News (Kuching)		
Date	21 Feb 2019	Color	Black/white
Section	News	Circulation	64,990
Page No	A2	Readership	194,970
Language	Chinese	ArticleSize	337 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,889
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 5,668



具出口潛能 砂推介新淡水龍蝦

(本报古晋20日讯)砂拉越农业部已在本州推介一种新淡水龙虾种类。

该部代总监蔡艾威表示，这种新淡水龙虾种类的研究工作於2015年，在史蒙谷淡水渔业中心进行研究。它使到本州拥有成为淡水龙虾出口州的潜能。

他表示，砂拉越能够生产出优良品质的淡水虾，这些淡水虾在本州两条河流，即民都鲁双溪苏艾及美里石山双溪雅劳生产。

他表示，在马来西亚，只有柔佛跟砂拉越拥有此类的淡水虾，其科学名称为Cherax Quadricarinatus。

他今天在养淡水虾与水殖业系统研讨会上这麼表示。

在场者也包括砂农业部助理部长阿都拉曼依斯迈。现代化农业部副总监威尔森恩达邦、商业化部副总监多拉沙兰及Da-Na Lobster Blue公司业主沙兹亚阿

都拉。

他指出，在古晋，长度5寸的淡水虾价格每公斤大约100令吉，它比老虎虾的价格更高。

“在马来西亚，养淡水龙虾是受到允许的，但是，业者必须遵守马来西亚渔业局的条例。”

“有意养淡水龙虾者必须事先以书面通知马来西亚渔业局及砂拉越农业部。”

提及今天举行的这项研讨会，他表示，这是农业部首次在砂拉越主办此类的研讨会。砂拉越农业部建议在今年主办多两次此类的研讨会。

他表示，砂拉越农业部主办这项研讨会的目的是为了推介新淡水龙虾种类，与此同时，也推介养淡水龙虾系统以及在砂拉越培养更多养淡水龙虾业者。



坐者左起为沙兹亚、威尔森、蔡艾威、阿都拉曼及多拉等与参加研讨会者大合照。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/2/2019	HARIAN METRO	SETEMPAT	26

26

setempat

21-02-2019

"Tahun ini musim panas lebih lama. Ia menjadi tarikan apabila jerami menjadi lebih kuning dan berwarna keemasan"
Ruslan Abdul Ghani



HARIAN METRO



GEDUNG yang digunakan untuk menyimpan jerami.

Noorazura Abdul Rahman
arn@metro.com.my

Yas

Sekali imbas pemandangan seperti di Eropah, namun tiada siapa menyangka keindahan pemandangan ratusan jerami gulung itu sebenarnya hanya di Kedah dan Perlis.

Kedua-dua itu sekali gus menggarut perhatian orang ramai untuk berhenti mengambil gambar. Ada juga kanak-kanak yang tidak melepaskan peluang berlari di atas gulungan jerami terbabit.

Pengarah Bahagian Industri Asas Tani dan Bukan Padi, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Ruslan Abdul Ghani Ahmad berkata, pemandangan itu sebenarnya dapat dilihat pada pertengahan bulan lalu selepas pihaknya mula menuai jerami bagi mengelak pembakaran terbuka.

Katanya, program mengumpulkan jerami padi itu sudah dilaksanakan sejak 2006 dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar (JAS). "Tahun ini musim panas

lebih lama. Ia menjadi tarikan apabila jerami menjadi lebih kuning dan berwarna keemasan. Proses menuai dan menggulung jerami itu pula menggunakan mesin khas yang diimport dari Itali.

"Tunggul jerami perlu dipotong bagi memudahkan proses pembakaran sebelum bermula musim membajak dan menabur benih.

"Jika tidak dipotong ia akan menyebabkan proses pembakaran tidak sempurna dan tidak terkawal sehingga menyebabkan pencemaran udara terutama ketika musim panas.

"Selain itu, pembakaran yang sempurna juga dapat membantu mengekang penyebaran benih padi angin serta makhluk perosak, sekali gus dapat meningkatkan hasil petani," katanya ketika ditemui di gudang Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Sungai Limau, di sini.

Ruslan berkata, setiap gulung jerami dianggarkan seberat 400 hingga 500 kilogram (kg) dan pihaknya menyasarkan ia akan dituai sehingga 4,500 tan pada musim ini dengan anggaran 12,000 gulung di seluruh Kedah dan Perlis.

Katanya, jerami terbabit akan disimpan di dalam 10 gudang kawasan PPK

JERAMI gulung dijual kepada penternak haiwan dan pembuat kraf tangan.



sebelum ia dijual kepada penternak haiwan dan pembuat kraf tangan.

Katanya penjualan jerami antara RM65 hingga RM80 segulung turut membantu menambah pendapatan PPK sehingga 15 peratus, sekali gus memberi pulangan menerusi koperasi ahli PPK iaitu petani.

JERAMI GULUNG KEEMASAN

■ Orang ramai tak lepas peluang ambil gambar pemandangan seperti berada di Eropah



KANAK-KANAK ditemani ahli keluarga melompat di atas gulungan jerami ketika berladang di Sungai Limau.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/2/2019	HARIAN METRO	SETEMPAT	27

>>Nasarudin turut mengajar setiap pelanggan ilmu penjagaan pokok

21-02-2019

setempat

27

HARIAN METRO

Helmy Abd Rahman
am@hmetro.com.my

Jerita

Idea kreatif seorang usahawan tani memulakan perniagaan menjual anak pokok pelbagai jenis tumbuhan pada harga hanya RM1 sepokok lebih 10 tahun lalu membolehkannya kini memperoleh pendapatan lumayan antara RM3,000 hingga RM4,000 seminggu.

Malah, Nasarudin Mohamed, 48, juga tidak lokek berkongsi ilmu penanaman dan penjagaan pokok dengan pelanggannya membuatkan perniagaannya bertambah maju dari sehari ke sehari.

Katanya, pada awalnya dia menceburi bidang pertanian dengan menanam tanaman yang selalu digunakan masyarakat Melayu dalam masakan seperti kunyit, cili, lengkuas dan pelbagai jenis sayuran di sekitar kawasan rumahnya di Kampung Bakat, Jabi di sini.

"Memang daripada kecil saya bercita-cita menjadi usahawan tani dan selepas bekerja kira-kira 10 tahun di Johor Bahru untuk mengumpul modal, saya kembali ke kampung bercucuk-tanam."

"Selepas beberapa ketika, saya terfikir kenapa orang lain tidak boleh menanam seperti saya yang hanya menggunakan kawasan terhad sekitar rumah saja dan dari situlah timbulnya idea untuk menjual anak pokok terutama tanaman untuk bahan masakan."

"Saya juga ajar setiap pelanggan segala ilmu penjagaan pokok dan kini saya tumpukan sepenuhnya kepada penjualan anak pokok," katanya kepada Harian Metro ketika ditemui pada majlis Sepetang Bersama Usahawan Tani di Kampung Bakat, Jabi di sini, kelmarin.

Majlis itu turut dihadiri Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa negeri, Dr Azman Ibrahim.

Menurutnya, selain menjual anak pokok di rumahnya, dia turut memasarkannya di pasar tani di kawasan berhampiran.

"Jika pelanggan datang membeli sendiri di rumah, saya jual pada harga RM1 sepokok tetapi di pasar tani, saya jual RM2 sepokok."

"Ada juga usahawan lain yang beli daripada saya dan menjualnya di pasar tani atau kawasan lain dan



NASARUDIN bersama Sanidah menunjukkan anak pokok yang diusahakan mereka yang dijual dengan harga serendah RM1 di Kampung Bakat, Jabi.

ANAK POKOK SERINGGIT

■ Usahawan tani peroleh RM4,000 seminggu jual tanaman popular di sekitar rumah

Ada usahawan lain yang beli daripada saya dan menjualnya di pasar tani atau kawasan lain dan harganya juga sama iaitu saya jual RM1, kemudian mereka jual RM2. Saya tak bercadang untuk menaikkan harga jualan, biarlah semua sama-sama untung"

Nasarudin Mohamed

"Pertanian di Terengganu belum mencapai kadar mencukupi untuk rakyat, contohnya keluaran padi beras di 12,000 hektar tanah hanya cukup untuk 50 peratus daripada 1.2 juta rakyat, manakala penternakan lembu dan ayam masih ada 70 peratus kekurangan untuk food security (jaminan bekalan makanan)."

"Maknanya, sesiapa yang menceburi bidang pertanian di negeri ini boleh dikatakan tiada persaingan," katanya.

Menurutnya, bagi merancakkan sektor pertanian, kerajaan negeri menambah baik Dana Usahawan Tani yang kini dikenali Skim Bantuan Modal Tani untuk mereka yang berminat menceburi bidang berkenaan.

"Kita sediakan pinjaman patuh syariah tanpa faedah dan usahawan yang menyertai skim ini hanya perlu membayar apabila sudah memperoleh hasil."

"Dana ini berjumlah RM5 juta yang akan ditambah sekiranya diperlukan dan jumlah pinjaman maksimum adalah RM50,000," katanya.



SANIDAH menerangkan proses penanaman anak pokok kepada orang ramai di Kampung Bakat, Jabi.

harganya juga sama iaitu saya jual RM1, kemudian mereka jual RM2.

"Saya tak bercadang untuk menaikkan harga jualan, biarlah semua sama-sama untung," katanya.

Isteri Nasarudin, Sanidah Bakron, 43, pula berkata, selain tanaman popular,

mereka juga menjual pokok yang sukar ditemui contohnya senduduk putih yang berkhasiat untuk merawat pelbagai jenis penyakit.

"Alhamdulillah, kami kini mempunyai pelanggan bukan saja dari seluruh Malaysia, malah luar

negara," kata ibu kepada empat anak berusia empat hingga 18 tahun itu.

Sementara itu, Dr Azman berkata, bidang pertanian menjanjikan pendapatan lumayan kepada rakyat Terengganu, lebih-lebih lagi negeri ini yang mempunyai kawasan sesuai dan subur.

MESIN penggugut jerami yang diimport dari Itali.

"Di samping itu, proses penuaian menggunakan mesin ini turut menjimatkan kos petani berikutan mereka tidak lagi perlu membayar upah memotong tunggu jerami."

"Jika tidak, petani perlu membayar RM25 kepada PPK bagi kos memotong tunggu jerami bagi setiap 0.28 hektar sawah," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/2/2019	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	10

Kos sara hidup tinggi menghimpit nelayan

■ PASIR GUDANG 20 FEB.

KOS sara hidup yang tinggi dan pembangunan pesat sekitar daerah ini menjadikan lebih 40 nelayan di Kampung Pasir Gudang Baru di sini hidup dalam kesempitan.

Menurut **Ithnin Bahrom**, 61, pembangunan rancak sejak kira-kira lima tahun kebelakangan ini menjadikan laut tercemar sekali gus mengakibatkan hasil tangkapan berkurangan.

“Sebagai nelayan pesisir pantai, ini mengakibatkan kami terpaksa keluar mencari ikan di kawasan yang lebih jauh iaitu di Tanjung Pengelih kira-kira satu jam perjalanan dari sini.

“Hasilnya belum tentu kerana kadang-kadang tidak seberapa dan tidak dapat menampung kos turun ke laut. Ini menyukarkan hidup kerana hasil tangkapan dibuat lauk sahaja dan tidak dapat menjualnya untuk membeli barang dapur.

“Dalam keadaan harga barang yang mahal, kami hanya mem-



AZRIN RAMLI

AZIZI MOHD. AZIZ

peroleh RM1,000 ke RM1,300 sebulan berbanding 10 tahun dulu purata RM3,000 sebulan,” katanya ketika ditemui di Pangkalan Nelayan Kampung Pasir Gudang Baru di sini hari ini.

Rakannya, Hashim Putat, 62, berkata, mereka merupakan nelayan sepenuh masa dan tidak dapat melakukan kerja sampingan lain untuk menampung perbelanjaan dapur.

Katanya, biasanya jika tidak turun ke laut, dia akan membuat

jaring di rumah dan usaha tersebut lebih menjimatkan berbanding membeli yang baharu atau mengupah orang membuatnya.

“Selain itu kita juga mengharapkan subsidi dan insentif kerajaan. Kami lega kerajaan baharu tidak menghapuskan bantuan sara hidup dan elaun untuk nelayan walaupun kini hanya mendapat RM200 berbanding pemberian kerajaan dahulu RM300,” katanya.

Azizi Mohd. Aziz, 52, pula memohon kerajaan supaya memberikan pinjaman kepada mereka untuk membeli enjin baharu dengan kuasa kuda lebih kuat bertujuan menangkap ikan di laut dalam.

Katanya, rata-rata nelayan tidak mampu kerana kos untuk sebuah enjin baharu paling murah RM20,000 serta harus dibeli secara tunai dan tidak boleh dibayar beransur-ansur.

Azrin Ramli, 47, berkata, ramai pihak menyangka kehidupan nelayan senang kerana harga ikan di pasaran mahal sedangkan hakikatnya tidak begitu dan mereka cukup-cukup makan sahaja.



ITHNIN BAHROM (kiri) dan **Hashim Putat** menunjukkan laut semakin tercemar akibat pembangunan mengakibatkan hasil tangkapan ikan berkurangan di Pangkalan Kampung Pasir Gudang Baru, Pasir Gudang, Johor, semalam.

Headline	China to expand agriculture reforms for growth		
MediaTitle	Borneo Post (Kuching)		
Date	21 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Business	Circulation	62,583
Page No	B8	Readership	187,749
Language	English	ArticleSize	443 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,041
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 18,123



China to expand agriculture reforms for growth

BEIJING: China will deepen reforms of its agriculture sector to promote its rural economy, the government said in its first policy statement of 2019, as it seeks to bolster growth and offset trade challenges.

Beijing's statement, released late on Tuesday, comes after the world's second-largest economy saw its weakest growth in 28 years in 2018 and remains entangled in a trade war with Washington.

"Under the complicated situation of increasing downward pressure on the economy and profound changes in the external environment, it is of special importance to do a good job in agriculture and rural areas," the government said in the document issued by the State Council and published by official news agency Xinhua.

Known as the 'No. 1 document', this year's policy reiterated a rural rejuvenation strategy first laid out in 2017 to improve income levels and living standards in

Under the complicated situation of increasing downward pressure on the economy and profound changes in the external environment, it is of special importance to do a good job in agriculture and rural areas.

Beijing statement

China's countryside.

It also highlighted a plan to boost domestic soybean production but did not offer further details. Industry analysts said on Wednesday they were eagerly awaiting further details to assess the impact of the plan, which had already been flagged by Agriculture Minister Han Changfu earlier this month.

China has been overhauling its crop structure in recent years, reducing support for corn after stocks ballooned, and seeking to promote more planting of oilseeds that it mostly imports.

That goal has become increasingly important since a trade war with the United States,

which led China to slap tariffs on soybean imports, tightening domestic supplies.

Han has previously urged authorities in China's northeast to support soybean production through subsidies and called for rotating of soybeans with other crops including corn and wheat.

Beijing also aims to support the production of rapeseed in the Yangtze River Basin, according to the document.

As in previous years, it also called for stable grain production, but also an increase in imports of agriculture products where there are shortages in the domestic market. — Reuters



Folk artists holding lanterns perform under the shower of molten iron sparks during a local celebration ahead of the Chinese Lantern Festival, in Luzhou, Sichuan province, China. — Reuters photo

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/2/2019	BERITA HARIAN	BISNES	56

China rancang reformasi sektor pertanian

➔ Langkah pacu pertumbuhan, imbangi cabaran dagangan

► Beijing

China akan melaksanakan pembaharuan dalam sektor pertaniannya untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi di kawasan pedalaman, kata kerajaan republik itu dalam kenyataan dasar pertamanya bagi 2019.

Dalam kenyataannya, Beijing berkata langkah itu diambil bertujuan memacu pertumbuhan dan mengimbangi cabaran dagangan.

Dasar itu dibuat selepas ekonomi kedua terbesar dunia itu mencatat pertumbuhan paling lemah dalam tempoh 28 tahun pada 2018 dan ia masih bergelut dalam perang dagangan dengan Amerika Syarikat (AS).



"Di bawah situasi sukar seperti ekonomi yang merosot dan perubahan mendalam dalam persekitaran luaran, adalah penting untuk kita terus menjalankan kerja yang baik dalam sektor pertanian dan di kawasan pedalaman," kata kerajaan China dalam dokumen yang dikeluarkan oleh Lembaga Negeri dan diterbitkan oleh agensi berita rasmi, *Xinhua*.

Dasar yang dikenali sebagai 'Dokumen Nombor Satu' itu turut mengulangi strategi pembaharuan yang dibentangkan buat pertama kalinya pada 2017 untuk mening-

katkan paras pendapatan dan standard gaya hidup di kawasan pedalaman China.

Ia turut mengetengahkan rancangan untuk melonjakkan pengeluaran kacang soya, tetapi tiada sebarang maklumat lanjut diberikan.

Perbaharui struktur tanaman

Penganalisis industri berkata, mereka teruja menantikan maklumat lanjut untuk menilai impak pelan berkenaan yang dilancarkan oleh Menteri Pertanian, Han Changfu pada awal bulan ini.

China memperbaharui struktur tanamannya sejak beberapa tahun kebelakangan ini dengan mengurangkan sokongan kepada jagung selepas berhadapan lebih beka-

lan dan negara itu juga mencari jalan untuk mempromosikan tanaman minyak bijirin.

Sasaran itu menjadi semakin penting sejak perang dagang dengan AS yang menyaksikan China mengenakan cukai ke atas import kacang soya dan mengetatkan bekalan domestik.

Sebelum ini, Han menggesa pihak berkuasa di utara China untuk menyokong pengeluaran kacang soya menerusi subsidi dan menyuruh penggiliran dilakukan untuk kacang soya dengan tanaman lain termasuklah jagung dan gandum.

Menurut dokumen berkenaan, Beijing juga menyasar untuk menyokong pengeluaran 'rapeseed' di Yangtze River Basin.

Pada tahun-tahun sebelum ini,

ia juga menggesa penghasilan bijirin yang stabil selain peningkatan dalam import produk pertanian kerana ia mempunyai kekurangan dalam pasaran domestik.

"Fokus kini adalah untuk mengekalkan kapasiti pengeluaran dalam bentuk tanah ladang yang berkualiti tinggi dan penggunaan pasaran antarabangsa untuk mengimbangi kekurangan pengeluaran," kata Penganalisis Pertanian di China Policy, Even Rogers.

"Rujukan untuk import adalah positif bagi rakan dagangan seperti AS kerana ia meningkatkan kemungkinan bahawa China akan membeli lebih banyak produk pertanian AS," kata Penganalisis di Shanghai JC Intelligence Co. Ltd, Cherry Zhang.

REUTERS



[FOTO HIASAN]

China memperbaharui struktur tanaman sejak beberapa tahun kebelakangan ini dengan mengurangkan sokongan kepada jagung selepas berhadapan lebih bekalan.